

Sains Pertanian: UPM ke-54 terbaik dunia

Oleh SITI NORHAWA MOHD ALI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 NOV.

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) disenaraikan pada kedudukan ke-54 terbaik di dunia dalam bidang Sains Pertanian berdasarkan penarafan Kedudukan Universiti Terbaik Global oleh *US News and World Report* yang diterbitkan baru-baru ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, UPM turut disenaraikan sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) terbaik di rantau Asia Tenggara dan ketujuh terbaik Asia dalam bidang Sains Pertanian mengikut penarafan tersebut selepas lima universiti dari China dan sebuah (Taiwan).

Menurut beliau, kejayaan itu merupakan pencapaian terbaik UPM dalam bidang tersebut, sekali gus melonjakkan reputasi akademik IPT berkenaan di peringkat global.

“Pertanian merupakan bidang kebitaraan UPM. Malah, kami berasa bangga atas pencapaian cemerlang itu kerana kesungguhan dan komitmen memartabatkan ilmu bidang tersebut telah meletakkan univer-



siti kami antara terbaik di dunia,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kedudukan Universiti Terbaik Global turut menyenaraikan lima universiti terbaik di dunia dalam bidang Sains Pertanian iaitu Wageningen University and Research Center, University of California - Davis, Cornell University, China Agricultural University dan Universidade de Sao Paolo.

Jelas Mohd. Fauzi, penarafan tersebut mengambil kira beberapa aspek penting, antaranya penyelidikan keseluruhan institusi, reputasi, prestasi penyelidikan menggunakan indikator penerbitan, staf akademik dan bilangan graduan ijazah



Pertanian merupakan bidang kebitaraan UPM. Malah kami berasa bangga atas pencapaian cemerlang itu kerana kesungguhan dan komitmen memartabatkan ilmu bidang tersebut telah meletakkan universiti kami antara terbaik di dunia.”

DR. MOHD. FAUZI RAMLAN
Naib Canselor UPM

doktor falsafah (PhD).

“Terdapat lapan kriteria utama terlibat dalam proses penarafan itu termasuk reputasi penyelidikan global, reputasi penyelidikan kawasan, jumlah petikan dan kerjasama antarabangsa.

UPM juga telah mengekalkan pencapaian terbaiknya dalam QS World University Ranking apabila dua tahun berturut-turut berada dalam kumpulan 100 universiti terbaik dunia dalam bidang pertanian, perhutanan dan pendidikan.